

25/01/1997

Bumiputera perlu ambil peluang projek MSC

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pergerakan Pemuda Umno (Pemuda Umno) meminta usahawan Bumiputera mengambil peluang daripada kewujudan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan tidak hanya menjadi penonton semata-mata.

Ketuanya, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata Pemuda Umno yakin usahawan Bumiputera boleh bersaing jika membuat persiapan memantapkan penguasaan teknologi tinggi.

"Pemuda yakin peluang untuk usahawan Bumiputera banyak dan kita tidak mahu mereka ketinggalan atau hanya menjadi penonton kepada kejayaan MSC.

"Dalam hal ini, usahawan Bumiputera perlu membuat persiapan perniagaan serta penguasaan teknologi tinggi.

"Kita akan cuba membantu usahawan Bumiputera yang berminat untuk mencapai matlamat berkenaan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda di ibu pejabat Umno, di sini hari ini.

MSC bernilai RM5 bilion adalah zon khusus membabitkan kawasan 15 kilometer x 50 kilometer dari Pusat Bandar Kuala Lumpur (KLCC) hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Antara ciri utama MSC ialah rangkaian gentian optik 100 peratus digital berkeupayaan antara 2.5GB hingga 10GB yang disambungkan terus ke negara Asean, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah.

Ia menawarkan perhubungan melalui satelit dan pembentukan sistem rangkaian padu dihubung terus ke Internet.

Ahmad Zahid berkata, Pemuda menyokong penuh saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membangunkan MSC dan yakin ia turut dikongsi rakyat Malaysia keseluruhannya.

Sehubungan itu, mesyuarat Exco Pemuda hari ini mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri berikutan kejayaannya mempromosikan MSC di Amerika Syarikat dan Jepun.

"Pemuda yakin kemunculan MSC akan mencorakkan kehidupan baru bagi masyarakat Malaysia dan aplikasinya dalam bentuk kad pintar, sekolah bestari, teleperubatan serta kerajaan elektronik akan menjadikan rakyat Malaysia, masyarakat berteknologi tinggi.

"Projek berkenaan juga akan menyebabkan Malaysia duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju," katanya.

Beliau yakin, MSC boleh mempercepatkan Malaysia mencapai status negara maju menjelang 2020.

Menurutnya, Pemuda turut kagum keupayaan Perdana Menteri membentuk panel penasihat antarabangsa (IAP) yang terdiri Ketua Pegawai Eksekutif dari pelbagai organisasi bertaraf dunia.

Ahmad Zahid berkata, keupayaan Perdana Menteri itu meletakkan kedudukannya setaraf pemimpin terkemuka yang lain.

(END)